

Terkandas di Jeddah, Arab Saudi berikutan penggunaan visa palsu

# 25 jemaah saman RM634,400

**SEBERANG PERAI** – Seramai 25 plaintif memfailkan tuntutan saman berjumlah RM634,400 terhadap pengendali pakej haji dan umrah yang terkandas di Jeddah, Arab Saudi berikutan dakwaan penggunaan visa palsu pada 5 Ogos tahun lalu.

Jumlah itu merupakan baki daripada keseluruhan RM795,000 bayaran pakej haji bernilai antara RM15,000 hingga RM50,000 yang ditanggung plaintif serta belum dilunaskan sepenuhnya defendan sehingga kini.

Wakil plaintif, Muhammad Radhi Shariff Hussain, 56, berkata, antara tuntutan lain ialah ganti rugi khas, ganti rugi atas sebab memungkirkan kewajipan berjaga-jaga, pengkomplotan atau kemungkinan krepresentasi, ganti rugi am, serta ganti rugi teruk.

Selain itu, katanya, mereka juga mahu faedah pada kadar lima peratus setahun terhadap jumlah yang dihakimi dikira daripada tarikh pemfailan writ sehingga tarikh penyelesaian penuh.

"Kami telah memfailkan saman ini pada 24 Ogos lalu dan tarikh pengurusan kes pertama dijangka pada 5 Oktober depan," katanya pada sidang akhbar di Butterworth di sini semalam.

Menurut laporan media pada 6 Ogos tahun lalu, kumpulan bakal jemaah haji itu terkandas di Lapangan Terbang Antarabangsa King Abdul Aziz selepas kemasukan mereka terhalang dipercayai



**MUHAMMAD RADHI (duduk, tengah) bersama sebahagian daripada kumpulan jemaah menunjukkan laporan polis yang telah dibuat berhubung isu berkenaan di Seberang Perai semalam.**

ekoran masalah pada visa haji furada atau visa persendirian yang diperolehi daripada agensi berkaitan yang menguruskan perjalanan ke sana.

Sehubungan itu, kesemua mereka terpaksa dihantar pulang ke Malaysia keesokan malamnya tanpa sempat menunaikan haji.

Dalam pada itu, Muhammad Radhi memberitahu, mereka mengambil masa yang agak lama

untuk memfailkan tuntutan itu disebabkan agensi yang bertanggungjawab berjanji untuk membayar balik wang mereka.

Ujarnya, laporan polis juga telah dibuat secara berasingan oleh kesemua yang terlibat secara berperingkat.

"Mereka berjanji untuk memulangkan semula wang kami secara ansuran, namun sehingga kini, ada yang mendapat sebahagian

sahaja antara RM6,000 ke RM7,000 dan ada juga yang tidak mendapat apa-apa langsung.

"Kami cuma mahukan wang kami balik kerana kebanyakan kami bukanlah orang senang. Ada yang bekerja sebagai nelayan, pesara kerajaan dan swasta serta ada yang bertahun-tahun mengumpul duit semata-mata untuk mengerjakan haji," jelasnya.